



KHN.0042

15 Disember 2011

YA-YA Hakim Mahkamah Persekutuan

YA-YA Hakim Mahkamah Rayuan

Yang Arif-Yang Arif

**ARAHAN AMALAN BIL 8 TAHUN 2011
ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN
DAN MAHKAMAH RAYUAN**

Setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, saya dengan ini mengeluarkan arahan seperti berikut :

2. Bagi memastikan keseragaman dan melicinkan lagi proses menghantar Alasan Penghakiman Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan untuk diterbitkan di dalam jurnal undang-undang, satu unit baru yang dinamakan Unit Penyelidikan di bawah Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah ditubuhkan yang berperanan menjadi pusat sehenti (one stop centre) bagi pengumpulan Alasan Penghakiman sebelum dihantar kepada Jurnal Undang-Undang.
3. Oleh yang demikian, Yang Arif-Yang Arif adalah diarahkan untuk tidak lagi menghantar Alasan Penghakiman terus kepada Jurnal Undang-Undang untuk tujuan penerbitan tetapi hendaklah dihantar kepada Unit tersebut melalui emel : ap.bkp@kehakiman.gov.my.
4. Arahan ini berkuatkuasa 1 Januari 2012.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Arifin Zakaria'.

(TAN SRI ARIFIN ZAKARIA)
Ketua Hakim Negara

s.k.

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.Bhg. Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya